

**KEBERGANTUNGAN DAN PENGLIBATAN PEKERJA ASING
TERHADAP PENGKULTURAN RUMPAI LAUT:
KAJIAN KES DI SEMPORNA, SABAH**



HASLINA BINTI ZAKARIA

UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

**KEBERGANTUNGAN DAN PENGLIBATAN PEKERJA ASING
TERHADAP PENGKULTURAN RUMPAI LAUT:
KAJIAN KES DI SEMPORNA, SABAH**

HASLINA BINTI ZAKARIA



UMS

**TESISINI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2022**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS


JUDUL : **KEBERGANTUNGAN DAN PENGLIBATAN PEKERJA ASING TERHADAP PENGKULTURAN RUMPAI LAUT: KAJIAN KES DI SEMPONA, SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI**

Saya **HASLINA BINTI ZAKARIA**, Sesi **2013-2022**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):



TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan Oleh,

HASLINA BINTI ZAKARIA
MA1321012T

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 30 September 2022

(Prof. Dr. Rosazman Hussin)
Penyelia Utama

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

22 Mac 2022

Haslina Binti Zakaria
MA1321012T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **HASLINA BINTI ZAKARIA**
NO. MATRIK : **MA1321012T**
TAJUK : **KEBERGANTUNGAN DAN PENGLIBATAN PEKERJA ASING TERHADAP PENGKULTURAN RUMPAI LAUT: KAJIAN KES DI SEMPONA, SABAH**
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**
BIDANG : **ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI**
TARIKH VIVA : **22 MAC 2022**

DISAHKAN OLEH;



1. PENYELIA UTAMA

Prof. Dr. Rosazman Hussin

2. PENYELIA BERSAMA

Prof. Dr. Suhaimi Md. Yasir

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah... Bersyukur ke atas ilahi dengan limpahan rahmat serta nikmat masa, nyawa tenaga yang dianugerahkan kepada saya dapat juga saya menyiapkan penulisan ini dengan jayanya.

Pertamanya, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada pensyarah saya, Prof Dr. Rosazman Hussin kerana memberi kepercayaan kepada saya untuk menjalankan penyelidikan ini. Tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, dorongan serta kata-kata perangsang daripada beliau dapat membuka ruang untuk saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Tidak lupa juga kepada Dr. Trixie Marjorie Tangit, Penyelaras Pascasiswazah Program Antropologi dan Sosiologi (ANSOS) atas nasihat dan dorongan beliau dalam menyiapkan penulisan ini. Tidak lupa juga diberikan ucapan jutaan terima kasih dan salam saying kepada pembaca dalam dan luar saya iaitu Dr. Nor Ina Kanyo dan Dr. Nor Hayati Sa'at atas penilaian, teguran, sokongan dan juga kerjasama yang baik di sepanjang perjalanan tesis ini.

Disamping ini juga, saya juga ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga saya terutamanya ibu bapa dan adik beradik saya yang banyak memberi sokongan serta dorongan juga wang ringgit dalam menghasilkan penulisan ini. Ucapan penghargaan ini juga saya tujukan kepada sahabat saya Aisah Binti Hossin kerana bertungkus lumus dalam membantu saya secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan penulisan ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang lain Norudah, Ain, Ana dan Yen kerana selalu memberi peringatan terhadap setiap apa yang saya telah alpa. Mereka membantu saya dengan menjawab setiap pertanyaan yang utarakan kepada mereka.

Akhir madah, saya mengucapkan terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung atau sebaliknya dalam menyiapkan penulisan ilmiah ini.

Haslina Zakaria
22 Mac 2022

ABSTRAK


Industri rumpai laut merupakan industri yang semakin mendapat perhatian bukan sahaja dalam kalangan masyarakat tempatan tetapi juga dunia. Menyedari bahawa industri pengkulturan rumpai laut mendapat permintaan yang tinggi, justeru industri ini sangat memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk mengusahakan industri ini agar terus berkembang pesat di mata dunia. Oleh yang demikian, didapati bahawa tenaga kerja asing sangat diperlukan dalam industri ini kerana pekerja tempatan kurang minat dalam mengisi kekosongan disebabkan pekerja tempatan tidak berani untuk menanggung cabaran kerana pekerjaan sebagai pengkultur rumpai laut dikenali sebagai 3D (*dirty, difficult and dangerous*). Tujuan umum penyelidikan ini adalah ingin melihat sejauh manakah penglibatan pekerja asing dalam industri rumpai laut. Reka bentuk penyelidikan ini adalah berasaskan kepada pendekatan kualitatif. Kaedah kutipan data yang digunakan seperti tinjauan dengan menggunakan temu bual mendalam dan temu bual semi struktur, pengamatan langsung dan data dari sumber dokumen. Kajian ini dilakukan di dua pulau iaitu Pulau Bumbum dan Pulau Sebangkat yang melibatkan 25 informan dan 125 orang responden. Hasil kajian mendapati bahawa komuniti tempatan dan syarikat mengiktiraf penglibatan tenaga buruh asing kerana kemahiran tradisi yang dimiliki oleh mereka dari temurun-temurun lagi selain daripada keperluan yang mendesak dalam industri pengkulturan rumpai laut itu sendiri disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja. Implikasi penemuan kajian ini adalah berkaitan dengan polisi pengambilan pekerja asing di sektor rumpai laut yang perlu digubal semula dan ditambah baik untuk mengiktiraf peranan pekerja asing yang berdaftar secara sah di sektor pengkulturan rumpai laut di Sabah.

Kata Kunci: Rumpai laut, tenaga buruh asing, migrasi, Bajau Laut dan Suluk

ABSTRACT

THE DEPENDENCE OF THE SEAWEED INDUSTRY ON FOREIGN WORKERS IN SEMPORA, SABAH

The seaweed industry is an industry that is gaining attention not only among the local community but also the world. Realizing that the seaweed cultivation industry is in high demand, therefore this industry is in dire need of a large workforce to operate this industry in order to continue to grow rapidly in the eyes of the world. Thus, it is found that foreign labor is very much needed in this industry as local workers are less interested in filling vacancies due to local workers do not dare to bear the challenge because the job as a seaweed cultivator is known as 3D (Dirty, difficult and dangerous). The purpose of this research is to see the extent of the involvement of foreign workers in the seaweed industry. This research design is based on a qualitative approach. Data collection methods used such as surveys using in-depth interviews and semi-structured interviews, direct observation and data from document sources. This study was conducted on two islands, Bumbum Island and Sebangkat Island, involving 25 informants and 125 respondents. The results of the study found that local communities and companies recognize the involvement of foreign labor because of the traditional skills they possess from generations apart from the urgent needs in the seaweed cultivation industry itself due to the lack of manpower. The implications of the findings of this study are related to the policy of hiring foreign workers in the seaweed sector which needs to be re-enacted and improved to recognize the role of legally registered foreign workers in the seaweed cultivation sector in Sabah.



Key Words: Seaweed, foreign labor, migration, Sea Gypsies and Suluk

SENARAI KANDUNGAN

| | Halaman |
|--|---------------------------|
| TAJUK | i |
| PENGAKUAN | ii |
| PENGESAHAN | iii |
| PENGHARGAAN | iv |
| ABSTRAK | v |
| <i>ABSTRACT</i> | vi |
| SENARAI KANDUNGAN | vii |
| SENARAI JADUAL | xii |
| SENARAI RAJAH | xiii |
| SENARAI SINGKATAN | xiv |
| SENARAI LAMPIRAN | xv |
| BAB 1: PENDAHULUAN | UNIVERSITI MALAYSIA SABAH |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 5 |
| 1.3 Permasalahan Kajian dan Jurang Kajian | 10 |
| 1.3.1 Jurang Kajian | 12 |
| 1.4 Persoalan Kajian | 13 |
| 1.5 Objektif Kajian | 14 |
| 1.6 Skop Kajian | 14 |
| 1.7 Konsep-konsep Utama Kajian | 16 |
| 1.8 Kepentingan Kajian | 20 |
| 1.9 Kerangka Awal Konseptual Kajian | 21 |

| | | |
|------|---------------------------|----|
| 1.10 | Ringkasan Bab Dalam Tesis | 24 |
| 1.11 | Kesimpulan | 24 |

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

| | | |
|-----|---|----|
| 2.1 | Pengenalan | 26 |
| 2.2 | Teori Migrasi dan Pekerja Asing | 26 |
| 2.3 | Teori Pergantungan dan Pekerja Asing | 29 |
| 2.4 | Teori Pembangunan Mapan dan Pekerja Asing | 30 |
| 2.5 | Ulasan Kajian Lepas Berkaitan Migrasi Pekerja Asing ke Malaysia | 32 |
| 2.6 | Pekerja Asing dan Kemiskinan | 40 |
| 2.7 | Mengapa Pekerja Asing Diperlukan Dalam Pembangunan di Malaysia | 43 |
| 2.8 | Sorotan Kajian Lepas Berkaitan Pengkulturan Rumpai Laut dan Pekerja Asing | 45 |
| 2.9 | Kesimpulan | 52 |

BAB 3: METODOLOGI

| | | |
|-------|--|----|
| 3.1 | Pengenalan | 53 |
| 3.2 | Paradigma Penyelidikan (Konstruktivisme) | 54 |
| 3.3 | Reka Bentuk Kajian Etnografi | 55 |
| 3.4 | Kaedah Kutipan Data Kualitatif | 56 |
| 3.5 | Peringkat Pelaksanaan Kajian | 57 |
| 3.5.1 | Peringkat Kajian Rintis | 57 |
| 3.5.2 | Peringkat Kajian Sebenar | 58 |
| 3.6 | Persampelan, Informan dan Responden Kajian | 62 |
| 3.7 | Kajian Kepustakaan | 66 |
| 3.8 | Analisis Data Kualitatif | 66 |

| | | |
|--|--|-----|
| 3.8.1 | Analisis Kualitatif | 66 |
| 3.9 | Kesimpulan | 68 |
| BAB 4: LATAR BELAKANG SOSIODEMOGRAFI PEKERJA ASING DALAM INDUSTRI PENGKULTURAN RUMPAI LAUT DI SEMPORNA, SABAH | | |
| 4.1 | Pengenalan | 69 |
| 4.2 | Latar Belakang Etnik Bajau Laut dan Suluk | 69 |
| 4.3 | Latar Belakang Kawasan Kajian | 71 |
| 4.4 | Gender Lelaki Mendominasi Sebagai Pekerja Asing | 72 |
| 4.5 | Sebahagian Besar Responden Adalah Golongan Muda | 74 |
| 4.6 | Majoriti Beragama Islam | 75 |
| 4.7 | Tahap Pendidikan Responden | 76 |
| 4.8 | Responden Berdasarkan Status Perkahwinan | 78 |
| 4.9 | Responden Berdasarkan Etnik | 80 |
| 4.10 | Responden berdasarkan Tempat Tinggal | 80 |
| 4.11 | Proses-Proses Pengkulturan Rumpai Laut oleh Pekerja Asing | 83 |
| 4.12 | Kesimpulan | 86 |
| BAB 5: FAKTOR KEBERGANTUNGAN KE ATAS PEKERJA ASING OLEH SYARIKAT DAN PENGKULTUR TEMPATAN | | |
| 5.1 | Pengenalan | 87 |
| 5.2 | Pengetahuan Ekologi Pekerja Asing Terhadap Aktiviti Pengkulturan Rumpai Laut | 87 |
| 5.3 | Gaji yang Rendah | 93 |
| 5.4 | Bilangan Guna Tenaga yang Mudah Diperoleh dan Diganti | 96 |
| 5.5 | Jaringan Sosial Mengukuhkan Migrasi Pekerja Asing | 100 |
| 5.6 | Kebergantungan Pengkultur Komuniti Tempatan Kepada Pekerja Asing | 102 |

| | | |
|-----|------------|-----|
| 5.7 | Kesimpulan | 103 |
|-----|------------|-----|


BAB 6: PERBINCANGAN DAN PENILAIAN TERHADAP PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN PEKERJA ASING DALAM AKTIVITI PENGKULTURAN RUMPAI LAUT DI SEMPORNA, SABAH

| | | |
|-----|--|-----|
| 6.1 | Pengenalan | 105 |
| 6.2 | Penglibatan Pekerja Asing Telah Membantu Mengisi Kekosongan Tenaga Kerja Dalam Aktiviti Pengkulturan Rumpai Laut | 105 |
| 6.3 | Pekerja Asing Melumpuhkan Industri Rumpai Laut Selepas Peristiwa Tanduo | 108 |
| 6.4 | Pengalaman Pekerja Asing Yang Lama Terlibat Dalam Sektor Pengkulturan Rumpai Laut Di Negara Asal Melancarkan Aktiviti Pengkulturan Rumpai Laut Di Semporna | 110 |
| 6.5 | Permintaan Tinggi Terhadap Pekerja Asing Ada Kaitan Dengan Perkembangan Pesat Rumpai Laut Di Semporna | 112 |

BAB 7: PENUTUP

| | | |
|-------|--|-----|
| 6.6 | Kesimpulan | 114 |
| 7.1 | Pengenalan | 116 |
| 7.2 | Ringkasan Dapatan dan Penilaian Kajian serta Sumbangannya | 116 |
| 7.2.1 | Pengkulturan Rumpai Laut di Semporna Mendedahkan Potensi Lebih Besar Untuk Pengkomersialan dan Pembangunan yang Bersifat Mapan | 116 |
| 7.3 | Migrasi Sebagai Pemangkin Kelangsungan Aktiviti Pengkulturan Rumpai Laut | 118 |
| 7.4 | Implikasi dan Sumbangan Kajian | 120 |
| 7.4.1 | Implikasi Terhadap Teori Migrasi, Teori Pergantungan dan Teori Mapan | 120 |
| 7.4.2 | Implikasi Terhadap Polisi Buruh Asing di sektor Rumpai Laut | 121 |
| 7.5 | Sumbangan Dominan Pekerja Asing di Sektor Rumpai Laut | 122 |

| | | |
|-----------------|--|-----|
| 7.6 | Limitasi dan Cadangan Kajian | 122 |
| 7.7 | Kerangka Konseptual Berdasarkan Hasil Kajian | 123 |
| 7.8 | Kesimpulan | 125 |
| RUJUKAN | | 127 |
| LAMPIRAN | | 130 |



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

| | Halaman |
|--|---------|
| Jadual 1.1 : Pelaksana Aktiviti Pengkulturan Rumpai Laut Mengikut Jenis Sistem | 15 |
| Jadual 3.1 : Senarai Informan Kajian | 64 |
| Jadual 4.1 : Responden Berdasarkan Agama | 76 |
| Jadual 4.2 : Tahap Pendidikan Responden | 77 |
| Jadual 4.3 : Responden Berdasarkan Status Perkahwinan | 79 |
| Jadual 4.4 : Responden Berdasarkan Etnik | 80 |
| Jadual 4.5 : Responden Berdasarkan Tempat Tinggal | 81 |
| Jadual 6.1 : Jumlah Keluaran Rumpai Laut Dalam Tempoh 10 Tahun (2005-2014) | 109 |
| Jadual 6.2 : Pengalaman Responden dalam Aktiviti Pengkulturan Rumpai Laut | 111 |
| Jadual 6.3 : Respon Responden Terhadap Peluang Bekerja Dengan Syarikat | 114 |



SENARAI RAJAH

| | Halaman |
|---|---------|
| Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian | 23 |
| Rajah 3.1 : Gambaran Proses Data Lapangan Berdasarkan Kajian Berbentuk Kualitatif | 67 |
| Rajah 4.1 : Peta Kawasan Kajian | 72 |
| Rajah 4.2 : Responden Berdasarkan Gender | 73 |
| Rajah 4.3 : Responden Berdasarkan Umur | 75 |
| Rajah 4.4 : Responden Bersama Ahli Keluarga yang Tinggal di Pelantar Rumpai Laut | 82 |
| Rajah 4.5 : Kediaman yang Dibina Responden di Atas Air | 83 |
| Rajah 5.1 : Proses Pengambilan Pekerja Asing oleh Syarikat | 98 |
| Rajah 6.1 : Kanak-Kanak Balik Daripada Menuai Rumpai Laut | 107 |
| Rajah 7.1 : Faktor Kebergantungan Terhadap Pekerja Asing | 124 |



UNIVERSITI
MALAYSIA
SABAH


SENARAI SINGKATAN

| | |
|-------------|--|
| ETP | - Program Transformasi Ekonomi |
| JPS | - Jabatan Perikanan Semporna |
| KPLB | - Kementerian Pembangunan Luar Bandar |
| LKIM | - Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia |
| PPKS | - Pertubuhan Peladang Kawasan Semporna |
| UMS | - Universiti Malaysia Sabah |



SENARAI LAMPIRAN

| | Halaman |
|--|---------|
| Lampiran A : Borang Soal Selidik Maklumat Responden | 130 |
| Lampiran B : Soalan Temubual Kepada Pengusaha/Pengurus Industri Rumpai Laut Secara Persendirian, Kluster dan Estet Mini Yang Mengambil Pekerja Asing | 139 |
| Lampiran C : Soalan Temubual Kepada Jabatan Perikanan/Koperasi Bajau Laut | 143 |
| Lampiran D : Soalan Temubual Kepada Jabatan Imigresen | 145 |
| Lampiran E : Contoh Temubual Dengan Informan | 147 |




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Tenaga buruh merupakan satu keperluan asas dalam membangunkan sesebuah negara. Kekurangan tenaga buruh berupaya untuk menjelaskan kelancaran sesuatu tugas atau pembangunan yang dilaksanakan. Justeru, tenaga buruh yang mencukupi adalah penting dan dipandang serius oleh kerajaan dan juga majikan. Di Malaysia, beberapa buah sektor pekerjaan seperti pembinaan, perladangan dan pertanian kurang digemari oleh rakyat tempatan. Keadaan ini memberi ruang dan peluang kepada rakyat negara lain untuk datang dan mengisi kekosongan pekerjaan tersebut. Antara negara yang paling banyak menyumbang kepada penghantaran pekerja asing ke Malaysia adalah Indonesia, Filipina dan Bangladesh (Johari dan Goddos, 2003).



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Perkembangan ekonomi Malaysia telah menggalakkan kemasukan pekerja migran daripada pelbagai negara. Pekerja migran yang datang ke Malaysia ini terpaksa meninggalkan keluarga mereka di tempat asal demi mencari peluang pekerjaan di negara yang dituju. Kedatangan mereka ke negara ini telah menyebabkan situasi migrasi yang berlaku di Malaysia tidak dapat dikawal (Rusnah Ahmad, Mohd Natem Ajis, Saadon Awang, 2014). Hal ini kerana hampir setiap hari berlakunya migrasi daripada pekerja asing daripada negara luar. Pekerja migran yang datang ke negara ini dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu pekerja migran yang professional, pekerja migran yang kontrak dan pekerja migran tanpa izin. Pekerja migran yang professional ini dikategorikan sebagai pekerja yang mempunyai pendidikan yang tinggi dan terlatih yang dikenali sebagai ekspatriat. Pekerja kontrak pula adalah mereka yang mempunyai kemahiran atau separa mahir di mana tempoh mereka berada di negara ini adalah terhad iaitu bergantung

kepada jangka masa yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Manakala pekerja asing tanpa izin ini pula dikelaskan sebagai pekerja yang memasuki sesebuah negara tanpa sebarang dokumen atau tinggal melebihi tempoh visa yang telah ditetapkan (Rusnah Ahmad, Mohd Natem Ajis, Saadon Awang, 2014).

Keadaan ini yang menyebabkan kebergantungan syarikat terhadap pekerja asing. Penglibatan pekerja asing dalam industri rumpai laut menjadi tinggi disebabkan oleh wujudnya peluang kepada pekerja asing untuk bekerja dan mengusahakan industri rumpai laut.

Pekerja asing daripada negara luar datang dan berhasrat untuk bekerja serta menetap di negara ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Antaranya termasuklah disebabkan oleh negara mereka sendiri yang mengalami pergolakan politik dan kekurangan pekerjaan yang disebabkan oleh kepadatan penduduknya. Keadaan yang sebaliknya pula berlaku di Malaysia yang mana merupakan sebuah negara yang aman, dan memiliki banyak peluang pekerjaan menjadikan ianya sebagai sebuah negara pilihan untuk mereka mendapatkan pekerjaan dan meningkatkan sosioekonomi mereka. Tambahan lagi, kedudukan geografi Malaysia yang paling hampir dengan negara mereka dan kemahiran yang mereka miliki diperlukan oleh pelbagai sektor pekerjaan khususnya di sektor pertanian, perladangan, pembinaan menyebabkan kemasukan mereka ini diharapkan oleh ramai majikan bagi mengisi kekosongan pekerjaan tersebut (Kurus, et.all.,1998).

Malaysia sebagai sebuah negara yang sedang membangun, keperluan terhadap tenaga buruh adalah tinggi dan sangat diperlukan. Justeru, kekurangan tenaga buruh untuk melakukan pelbagai kerja menyebabkan kerajaan terpaksa membuka laluan kepada pekerja asing untuk datang dan bekerja di negara ini. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidak bermaksud bahawa kerajaan membenarkan kemasukan tenaga buruh yang terlalu banyak. Ini adalah untuk menjaga kepentingan negara dan pengaliran keluar wang negara yang terlalu tinggi (Che Hashim, 2009). Rentetan itu, walaupun kerajaan telah mengimport sejumlah besar tenaga kerja asing untuk memenuhi permintaan tenaga buruh yang

mendesak, kerajaan tetap berusaha untuk mengurangkan kuota penggunaan tenaga buruh asing di dalam pelbagai sektor dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, pelbagai usaha dilakukan untuk menarik minat rakyat tempatan untuk mengisi pelbagai kekosongan pekerjaan yang ada dalam semua sektor di Malaysia. Namun, sektor yang dianggap sebagai kritikal (pertanian, perladangan, pembinaan) masih mengalami masalah kekurangan tenaga kerja tempatan walaupun telah menawarkan gaji yang tinggi, kemudahan KWSP dan PERKESO serta tempat tinggal kepada pekerjanya (Amar, 2015). Keadaan ini memberikan tekanan kepada kerajaan dan pihak majikan yang menginginkan kerja-kerja pengeluaran yang mereka jalankan berjalan dengan lancar seperti yang telah di rancang. Sebagai langkah alternatif bagi mengatasi masalah ini, penggunaan tenaga kerja asing telah digunakan. Para majikan mula beralih arah dengan menggunakan khidmat tenaga buruh asing yang dianggap lebih mudah diperolehi dan aspek yang paling penting adalah kadar upah yang rendah dan pemberian kemudahan pekerjaan yang minimum serta kontrak kerja yang lebih longgar berbanding dengan tenaga buruh tempatan (Nurashikin 2010).

Situasi ini menjadikan tenaga buruh asing menjadi penting. Namun wujud majikan yang tidak bertanggungjawab untuk mengambil pekerja asing yang tidak berlesen atau memiliki dokumen pengenalan diri yang sah (passport atau permit pekerjaan tertentu) untuk mengisi kekosongan kerja yang ada (Che Hashim, 2009). Ianya memberi keuntungan yang lebih kepada majikan sekiranya mereka mengambil pekerja asing yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri kerana mereka tidak perlu mematuhi semua peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan dalam menggaji pekerja asing. Tanpa sedar keadaan ini telah memberikan kerugian kepada pekerja asing itu sendiri contohnya mereka tidak dapat menuntut apa-apa faedah sekiranya mereka terlibat dalam kemalangan semasa di tempat kerja (Che Hashim, 2009). Nurashikin (2010) mendapati bahawa hampir seribu orang pekerja asing yang telah memasuki Malaysia secara sah pada setiap hari. Namun begitu, jumlah pekerja asing yang masuk secara haram melalui jalan laut dan darat jumlahnya tidak dapat dikenal pasti.

Di Malaysia, khususnya di Sabah merupakan negeri yang memiliki jumlah tenaga buruh asing yang paling tinggi dan dianggarkan mencecah sehingga 1.7 hingga 2 juta tenaga buruh asing yang kebanyakannya adalah berasal daripada negara Indonesia dan Filipina. Keadaan ini diburukkan lagi dengan penempatan pekerja asing secara haram dan ikatan perkahwinan dengan rakyat tempatan. Dianggarkan bahawa separuh daripada mereka ini telah memiliki kad pengenalan Malaysia dan menikmati hak yang sama dengan rakyat Malaysia termasuklah mengundi semasa pilihan raya (Che Hashim, 2009).

Bilangan pekerja asing yang banyak di Sabah menjadikan peluang pekerjaan intensif buruh banyak dipenuhi dan diisi oleh golongan ini. Secara tidak langsung, peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan menjadi kurang dan majikan lebih selesa dan terbuka kepada pekerja asing. Melalui cara ini, majikan akan dapat memaksimumkan keuntungan mereka dari semasa ke semasa serta tidak terikat dengan kemudahan yang perlu dinikmati oleh pekerja tempatan seperti pemberian KWSP dan PERKESO serta cuti. Keadaan ini didakwa turut berlaku dalam industri pengkulturan rumpai laut di Sabah. Industri pengkulturan rumpai laut merupakan salah satu industri yang memiliki potensi untuk dikembangkan dan berupaya untuk menjana pendapatan negara. Walaupun terdapat pelbagai inovasi dan teknologi yang telah digunakan, namun pada masa ini, keperluan terhadap tenaga kerja manual masih diperlukan dan digunakan dalam industri ini. Sehubungan itu, permintaan terhadap tenaga buruh dalam industri ini menjadi tinggi terutama apabila kerajaan mula memberi perhatian serius terhadap industri ini dan mengangkat industri ini sebagai salah sebuah industri yang termasuk dalam enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) (Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Malaysia, 2011).

Bagi merealisasikan matlamat kerajaan dan mencapai NKRA yang telah ditetapkan, kerajaan telah membantu dalam menyalurkan modal dan memperuntukkan sejumlah wang yang besar untuk memperluaskan lagi industri ini (Endang, 2009). Namun, kekurangan tenaga kerja khususnya di kalangan masyarakat tempatan masih menjadi isu utama di dalam industri ini. Ini kerana pekerja tempatan terutamanya golongan belia kurang berminat untuk

menceburkan diri di dalam industri ini. Tambahan lagi, kurangnya pendedahan berkenaan dengan kepentingan industri rumpai laut kepada belia tempatan mendorong mereka untuk mencari peluang pekerjaan diluar sektor ini berbanding dengan mengusahakan industri ini secara lebih serius (Rosnah, 2004).

Ini telah mendorong pengusaha Estet Mini atau pemilik ladang persendirian rumpai laut untuk bergantung kepada tenaga kerja asing bagi membantu menjalankan aktiviti pengkulturan rumpai laut mereka. Ianya juga berkaitan dengan usaha dan minat yang begitu mendalam pada diri pekerja asing menyebabkan mereka sanggup melakukan aktiviti-aktiviti rumpai laut secara berterusan. Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan kebergantungan terhadap pekerja asing menjadi tinggi dan sukar untuk dielakkan (Aisah, 2015). Oleh itu, kajian yang mendalam berkenaan dengan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam industri rumpai laut perlu dilakukan bagi mengenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan kebergantungan terhadap pekerja asing terutamanya daripada golongan *stateless* atau orang tanpa negara yang ramai di Sabah khususnya di Semporna. Selain daripada itu, kajian mendalam juga perlu bagi meneliti dan menilai penglibatan dan sumbangan pekerja asing ini dalam memajukan industri rumpai laut di Semporna. Disamping itu adalah penting mengenalpasti cara atau langkah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing dalam industri pengkulturan rumpai laut di Semporna, Sabah.

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Malaysia, situasi pembangunan ekonomi negara dirancang adalah berdasarkan Dasar Perindustrian Negara melalui Pelan Induk Perindustrian (PIP) yang dilancarkan oleh Menteri Perdagangan dan Perindustrian semenjak tahun 1985. Tujuan utama PIP adalah untuk mengatasi masalah rantaian pengeluaran produk antara industri yang lemah. Selain sumber-sumber asas seperti bahan mentah dan sebagainya yang menjadi fokus untuk dijana dan diberi nilai tambah, asas kepada keberlangsungan sesbuah industri adalah tenaga buruh yang menjadi pengendali di dalam menggerakkan industri yang berkaitan (Rosnah, 2004). Antaranya adalah

industri pertanian yang terbahagi kepada pelbagai pengeluaran komoditi pertanian, hasil daripada struktur geografi negara serta iklim yang sesuai dengan tanaman yang subur di kawasan tropika. Industri pertanian ini termasuklah tanaman kelapa sawit, getah, nanas, tebu dan beberapa hasil tanaman lain yang ditanam dalam skala yang besar serta membawa pulangan besar kepada pendapatan negara. Selain daripada itu, sektor pertanian yang berpotensi untuk diperluaskan serta dimajukan adalah pengkulturan rumpai laut (Suhaimi Md Yasir dan Ramlan Ali @ Ally, 2012) terutamanya di Semporna, Sabah.

Rumpai laut merupakan salah satu tanaman yang sangat sesuai untuk ditanam di kawasan tertentu perairan Malaysia. Tumbuhan akuakultur ini semakin mendapat tempat dalam kalangan pengusaha-pengusaha rumpai laut kerana melihat peluang pasaran dan keperluan barang yang dihasilkan dari rumpai laut yang meningkat. Hasil rumpai laut ini juga turut menjadi permintaan tinggi di luar negara. Selain itu, bidang penyelidikan dalam industri ini turut dikembangkan bukan sahaja tertumpu dalam bidang sains terhadap tumbuhan aquatik itu sendiri, malah juga menarik perhatian penyelidik dalam bidang sosial termasuk psikologi, ekonomi dan kemanusiaan (Aisah, 2015). Bidang penyelidikan yang menyeluruh ini sememangnya membantu meningkatkan pembangunan dalam industri pengkulturan rumpai laut yang sekian lama bertapak di Sabah.

Siri penyelidikan dalam bidang sains sosial berkaitan dengan penanaman rumpai laut terutamanya di Sabah yang dijalankan memfokuskan kepada bagaimana pengkulturan rumpai laut boleh membangunkan sebuah komuniti nelayan pesisir pantai. Budaya dan cara hidup komuniti nelayan ini sekian lama terlibat dengan mengkultur rumpai laut sebagai salah satu sumber utama pendapatan bagi kelangsungan kehidupan mereka (Getrude Cosmas, 2002; Rosnah Ismail, 2004; Mizpal, 2011; Suhaimi Md Yasir dan Ramlan Ali @ Ally, 2012; Rosazman et al., 2015). Penyelidikan-penyselidikan bidang sosial ini ini dilihat sangat penting dalam menyokong pembangunan dari sudut pengkulturan rumpai laut yang bakal dikembangkan serta merealisasikan objektif pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Pada asasnya, tujuan utama memajukan industri pengkulturan rumpai laut bukan sahaja di peringkat dalam negara tetapi juga luar negara adalah bertujuan untuk membantu meningkatkan ekonomi negara. Negeri Sabah sememangnya dikenali sebagai salah sebuah negeri yang memiliki hasil laut yang amat baik di Malaysia. Malah negeri Sabah juga merupakan negeri utama yang mengeluarkan rumpai laut di negara ini. Justeru itu, bagi meningkatkan produktiviti serta melonjakkan industri ini di peringkat antarabangsa maka pemilik ladang rumpai laut melalui sistem kluster dan juga pengurus-pengurus sistem Estet Mini memainkan peranan yang sangat penting bagi meningkatkan pengeluaran rumpai laut bagi memenuhi permintaan di pasaran.

Setelah menyedari bahawa industri ini mampu meningkatkan pendapatan negara, maka agensi yang terlibat dalam membangunkan industri dengan memberi pelbagai kemudahan seperti bantuan daripada segi bijih benih, bot, pelampung, pelantar, dan peralatan-peralatan yang lain. Di samping itu, pengusaha-pengusaha sistem ini juga didedahkan dengan pelbagai pengetahuan berkaitan dengan pengurusan rumpai laut serta diberikan kursus dan latihan berkaitan dengan rumpai laut. Tujuan utama penglibatan pihak-pihak yang terlibat ini adalah supaya pengusaha-pengusaha dalam sistem konvensional ini membawa perubahan baru dalam industri ini supaya berlakunya peningkatan terhadap pengeluaran rumpai laut kerana terdapat banyak permintaan daripada masyarakat.

Menurut Ab. Aziz (2008), terdapat dua dimensi perubahan yang perlu dipandang serius dalam meningkatkan ekonomi masyarakat iaitu dimensi kemanusiaan dan dimensi bukan kemanusiaan. Dimensi kemanusiaan merupakan dimensi yang sering dianggap kurang penting oleh organisasi sehingga beranggapan ianya tidak memainkan peranan yang signifikan dalam menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu organisasi. Dimensi kemanusiaan yang dimaksudkan di sini termasuklah budaya, simbol, pengurusan, pemerkasaan, etika dan kerohanian. Manakala dimensi bukan kemanusiaan pula adalah seperti teknologi baru, lokasi dan penyusunan semula organisasi. Pertimbangan bagi dimensi ini lebih menjurus kepada kuantiti seperti peningkatan produktiviti, penjimatan kos dan keuntungan. Menyedari hakikat bahawa organisasi tidak